

# » Raih Anugerah Universiti Keusahawanan 2013

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjaya melakar kecemerlangan sebagai institusi pengajian tinggi berprestij dalam bidang keusahawanan apabila sekali lagi dianugerahkan Entrepreneurial University of the Year 2013 pada Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan (MEA) 2013, baru-baru ini.

Kejayaan meraih anugerah utama buat kali kedua berturut-turut itu membolehkan UiTM membawa pulang piala dan hadiah wang tunai RM150,000.

Selain anugerah utama, UiTM turut memenangi tiga anugerah lain menerusi kategori Institutional Environment dan Student Engagement dengan hadiah masing-masing bernilai RM50,000.

Seterusnya Anugerah Best Student Enterprise/Business Start Up of the Year 2013 yang dimenangi mahasiswa Diploma Perakaunan, UiTM Machang, Adni Hazimee Adnan dengan hadiah berupa piala dan wang tunai RM20,000.

Selain UiTM, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) turut dipilih sebagai penerima Anugerah Innovative and Entrepreneurial Staff, Innovative Entrepreneurial Teaching & Learning dan Outstanding Student Enterprise 2013.

Seterusnya, Universiti Kebang-

# UiTM kekal cemerlang



Sahol (kanan) menjulang piala bersama Kamalanathan selepas UiTM meraih Anugerah Entrepreneurial University of the Year 2013, sambil diperhatikan Zaini (dua dari kiri).

[ FOTO NASHAIRI MOHD NAWI / BH ]

saan-Malaysia (UKM) bagi Anugerah Entrepreneurial Impact dan Anugerah Promising Student Enterprise 2013 pula menjadi milik Universiti Putra Malaysia (UPM).

## Peruntukan khas

Hadiah kepada pemenang disampaikan Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan. Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Prof Datuk Seri Dr Zaini Ujang.

Kamalanathan berkata, sejak 2010, kementerian memperuntukkan perbelanjaan khusus bagi menyokong usaha, program dan inisiatif keusahawanan yang dijalankan IPT iaitu RM20 juta pada 2011, RM25 juta (2012) dan RM30 juta (2013).

“Pelaburan ini menunjukkan hasil

positif apabila lebih banyak universiti, politeknik dan kolej komuniti mendapat pendedahan mengenai pendidikan keusahawanan.

“Jika sebelum ini hanya satu daripada 100 pelajar menjadi usahawan, kini kita berjaya melahirkan 1,114 graduan menjadi usahawan pada 2011 dan meningkat kepada 1,273 pada 2012,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian anugerah MEA.

MEA yang diperkenalkan tahun lalu bagi menggalak dan memantapkan pembangunan serta pendidikan keusahawanan dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan secara lebih terancang dan holistik selain bertujuan memberi pengiktirafan kepada IPT yang menunjukkan kecemerlangan dari sudut pembangunan dan pendidikan keusahawanan.

Tahun ini, enam IPT tersenarai untuk bertanding pada peringkat akhir Anugerah Keusahawanan iaitu UiTM, UKM, UniMAP, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Utara Malaysia (UUM).

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Prof Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata penyertaan UiTM dalam pertandingan berkenaan bukanlah untuk menang semata-mata, tetapi menyeimbangkan kebolehpasaran graduan universiti berkenaan sekali gus melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan lelasan universiti.

“Kita mahu graduan UiTM tidak berharap untuk bekerja sebagai kakitangan kerajaan semata-mata sebaliknya memilih untuk menjadi usahawan.